



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 30 MEI 2025




KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



Datuk Armizan Mohd Ali,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Ops GASAK

Cegah ketirisan, bukan henti subsidi gas LPG

Tiada pemansuhan atau pemotongan subsidi gas petroleum cecair (LPG) dibuat oleh kerajaan ketika ini. Sebaliknya Ops GASAK oleh KPDN hanyalah usaha mengekang ketirisan bagi memastikan ia terus dinikmati pengguna sebagai subsidi dapur rakyat, bukan sektor komersial yang sudah berkuat kuasa sejak Oktober 2021. Pihak yang tidak guna LPG lebih tiga tong kapasiti 14 kilogram dalam satu masa, tidak tertakluk peraturan memohon permit barangan kawalan berjadual. **Oleh Ilah Hafiz Aziz → Nasional 4, 13**

Tiada pemansuhan subsidi LPG

KPDN giat usaha kekang ketirisan barang kawalan, manipulasi aktiviti perniagaan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menegaskan, tiada sebarang isu pemansuhan atau pemotongan subsidi gas petroleum cecair (LPG) dilaksanakan kerajaan sekarang.

Sebaliknya, apa yang giat dilaksanakan KPDN ketika ini adalah usaha mengekang ketirisan barang kawalan dan manipulasi dalam aktiviti perniagaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, menegaskan subsidi LPG akan terus dinikmati golongan sasar iaitu pengguna kerana ia adalah subsidi dapur rumah rakyat, bukan subsidi sektor komersial.

Beliau menegaskan, Operasi Gas Memasak (OPS GASAK) yang bermula 1 Mei lalu bukan satu dasar dan peraturan baharu yang dilaksanakan di bawah Kerajaan MADANI.

Sebaliknya, ia terkait dengan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 (Peraturan 2021) yang sudah berkuat kuasa sejak 15 Oktober 2021, ketika di bawah pentadbiran kerajaan terdahulu.

"Jadi mana-mana pihak yang tidak menggunakan silinder LPG melebihi tiga tong 14 kilogram, iaitu melebihi 42 kilogram pada satu-satu masa tidak perlu khawatir kerana mereka tidak tertakluk

kepada peraturan memohon permit barang kawalan berjadual.

"Malah, berdasarkan Peraturan 2021, premis jualan makanan yang tidak menyimpan atau menggunakan tong LPG bersubsidi tidak melebihi tiga tong pada satu-satu masa tidak diwajibkan memiliki permit barang kawalan berjadual," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Kekang aktiviti decanting

Mengulas lanjut, Armizan menegaskan, OPS GASAK bertujuan membanteras ketirisan subsidi LPG dengan dua fokus utama, iaitu mengekang penggunaan tong/silinder LPG bersubsidi oleh sektor industri dan komersial serta membanteras penyelewengan melalui aktiviti haram *decanting*.

"*Decanting* adalah proses pemindahan gas dari tong LPG bersubsidi kepada tong tidak bersubsidi dan dijual pada pelbagai peringkat harga iaitu di antara harga subsidi dan di bawah harga pasaran komersial.

"Kumpulan penyangak subsidi ini mendapat keuntungan atas angin yang amat besar kerana strategi penjualan pada harga yang sedikit rendah daripada harga komersial ini menjadi faktor penarik sama ada untuk jualan domestik dan penyeludupan ke luar negara," katanya.

Menyentuh mengenai salah tanggapan bahawa kerajaan melaksanakan dasar baharu, beliau menjelaskan, dalam OPS GASAK adanya pemeriksaan rutin yang dilaksanakan pegawai penguat kuasa KPDN.

Katanya, penguat kuasa akan mengeluarkan dokumen Kenyataan Pemeriksaan Premis kepada mana-mana pihak yang didapati menyimpan dan menggunakan melebihi tiga tong LPG iaitu melebihi 42 kilogram, yang menjadi peraturan yang dikuat kuasa sejak 2021.



Anggota penguat kuasa KPDN menjalankan pemeriksaan premis di sekitar kawasan Bercham pada OPS GASAK dan Ops Tenera, Selasa lalu.

(Foto Ihsan KPDN Perak)

"Pegawai penguat kuasa KPDN juga melaksanakan pemeriksaan rutin di pelbagai peringkat premis perniagaan untuk memastikan pematuan kepada semua kerangka perundangan di bawah bidang kuasa KPDN. Ini termasuk aspek berkaitan paparan harga, ketepatan timbang sukat, aktiviti sorok dan permit barang kawalan berjadual.

"Keperluan permit barang kawalan berjadual adalah berdasarkan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 yang dikeluarkan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Bagi kes LPG, peraturan menggariskan, penyimpanan dan penggunaan tong LPG melebihi 42 kilogram iaitu melebihi tiga tong 14 kilogram pada satu-satu masa memerlukan kepada permit barang kawalan," katanya.

Kekeliruan dokumen

Armizan mengakui, ada kekeliruan berhubung dokumen yang diserahkan penguat kuasa kepada premis perniagaan jualan makanan.

"Ia adalah dokumen Kenyataan Pemeriksaan Premis dan bukan

notis kompaun serta tidak ada sebarang sitaan dibuat. Ia adalah dokumen standard yang diserahkan penguat kuasa ketika membuat pemeriksaan rutin terhadap mana-mana premis berkaitan.

"Saya tegaskan, fokus utama OPS GASAK adalah mengekang aktiviti *decanting* iaitu penyeludupan dan penggunaan tong LPG bersubsidi oleh sektor industri. Pada masa ini, tindakan kita di peringkat premis jualan makanan lebih kepada aspek advokasi berhubung peruntukan undang-undang mengikut Peraturan 2021," katanya.

Beliau berkata, KPDN tidak menolak risiko akan ada premis makanan yang menaikkan harga dengan alasan peningkatan kos operasi perniagaan.

"Kita prihatin kesannya kepada kos sara hidup rakyat, namun kita juga perlu faham subsidi ini juga datangnya daripada duit rakyat iaitu dana awam termasuk duit pembayar cukai.

"Adakah wajar kita memberi subsidi LPG secara pukal kepada semua jenis premis jualan makanan, kecil atau besar dan tanpa sebarang had? Adakah wajar kita

memberi subsidi LPG tanpa had kepada restoran yang menjual nasi ayam pada harga RM25 sepinggan, sedangkan ada premis boleh menjual pada harga RM15, RM10 dan ada juga yang masih menjual pada harga RM8?"

"Perlu diingat, subsidi LPG ini adalah subsidi kepenggunaan iaitu subsidi dapur rumah rakyat dan bukannya subsidi perniagaan atau komersial," katanya.

Subsidi LPG meningkat

Armizan menjelaskan, pada tahun lalu kerajaan membelanjakan hampir RM3.4 bilion bagi subsidi LPG, meningkat daripada RM3.1 bilion pada 2023.

Katanya, data subsidi LPG beberapa tahun kebelakangan adalah RM2.2 bilion pada 2013; RM2.39 bilion (2018), RM2.54 bilion (2021) dan RM4 bilion (2022).

"Tanpa sebarang kawalan, jumlah ini (subsidi LPG) akan terus meningkat. Ini kerana bukan sahaja jumlah penggunaan domestik makin meningkat kerana rakyat kita semakin ramai, malah jumlah premis perniagaan termasuk restoran, gerai makan dan jumlah penjaja juga turut meningkat.

"Kita perlu fahami juga tanggungan subsidi LPG ini tidak berbentuk kos yang tetap kerana ia adalah bahan api berdasarkan kepada harga pasaran dunia ataupun Saudi Aramco Contract. Harga pasaran dunia ini terdedah kepada turun naik berdasarkan penawaran dan permintaan, selain faktor geopolitik," katanya.

Armizan berkata, sebagai menteri yang bertanggungjawab terhadap kos sara hidup, subsidi kepenggunaan perlu dikekalkan tetapi ia harus hadir dalam pelaksanaan reformasi subsidi.

Ops GASAK sasar penyangak subsidi LPG - Rencana 13

Ops GASAK sasar penyangkak subsidi LPG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) meneruskan Operasi Gas Memasak (Ops GASAK) di seluruh negara bagi membanteras penyelewengan barang kawalan dan subsidi, khususnya gas petroleum cecair (LPG). Operasi ini demi memastikan bantuan kerajaan sampai kepada mereka yang berhak. Ikuti penjelasan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berhubung isu ini.



Soalan (S): Adakah kerajaan sedang melaksanakan pemansuhan subsidi Gas Petroleum Cecair (LPG) seperti dakwaan pihak tertentu?

Jawapan (J): Tidak ada sebarang keputusan baharu kerajaan untuk memansuhkan subsidi LPG. Perkara ini timbul kerana sesetengah pihak tidak memahami dasar dan peraturan sedia ada, selain ada pihak cuba mengelirukan rakyat dengan kenyataan dan andaiian tidak tepat.

Ini susulan daripada Operasi Gas Memasak (Ops GASAK) digerakkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bermula 1 Mei lalu hingga 31 Oktober ini. Ops GASAK adalah inisiatif penguatkuasaan terkini dilancarkan di bawah Gerakan Membanteras Manipulasi dan Ketirisan (KITA GEMPUR) dilancarkan pada 19 Oktober 2024.

KITA GEMPUR adalah satu gerakan massa untuk menanganis isu ketirisan barang kawalan dan manipulasi dalam aktiviti perniagaan. Puncu kuasa perundangan kepada Ops GASAK adalah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

S: Bagaimana Ops GASAK boleh menyebabkan timbul isu pemansuhan subsidi dan dakwaan kenaikan harga barangan tertentu?

J: Ops GASAK bertujuan membanteras ketirisan subsidi LPG. Dua fokus utama operasi ini adalah, mengekang penggunaan tong atau silinder LPG bersubsidi oleh sektor industri dan komersial serta membanteras penyelewengan melalui aktiviti haram *decanting*.

Decanting adalah pemindahan gas dari tong LPG bersubsidi kepada tong tidak bersubsidi dan dijual pada pelbagai peringkat harga, iaitu di antara harga subsidi dan di bawah harga pasaran komersial. Kumpulan penyangkak subsidi ini mendapat keuntungan atas angin amat besar kerana strategi penjualan pada harga sedikit rendah daripada harga komersial, menjadi faktor penarik sama ada untuk jualan domestik dan penye-

ludupan ke luar negara.

Pada masa sama, pegawai penguat kuasa KPDN melaksanakan pemeriksaan rutin di premis perniagaan untuk melihat pematuan kepada semua kerangka perundangan di bawah bidang kuasa KPDN. Ini termasuk aspek berkaitan paparan harga, ketepatan timbang sukat, aktiviti sorok dan permit barang kawalan berjadual.

Keperluan permit barang kawalan berjadual adalah bersandarkan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 dikeluarkan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Terkait dengan LPG, Peraturan 2021 itu menggariskan penyimpanan dan penggunaan tong LPG melebihi 42 kilogram (kg), iaitu melebihi tiga tong 14kg pada satu-satu masa memerlukan permit barang kawalan.

Atas sebab itu, dalam pemeriksaan rutin dilaksanakan dan sejajar dengan Ops GASAK, pegawai penguat kuasa KPDN akan mengemukakan dokumen Kenyataan Pemeriksaan Premis kepada mana-mana pihak didapati menyimpan dan menggunakan melebihi tiga tong LPG, iaitu melebihi 42kg. Inilah menyebabkan terdapat tanggapan kerajaan hari ini melaksanakan dasar baharu pemotongan subsidi, sedangkan peraturan ini berkuat kuasa sejak 2021.

S: Ini bermaksud penguatkuasaan melalui Ops GASAK juga mengekang penggunaan LPG bersubsidi di premis perniagaan, termasuk restoran?

J: Persoalan ini perlu difahami secara menyeluruh. Pertama, punca kuasa kepada Ops GASAK bukan satu dasar dan peraturan baharu di bawah Kerajaan MADANI. Hakikatnya, hal ini terkait dengan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 yang berkuat kuasa sejak 15 Oktober 2021 di bawah pentadbiran kerajaan lalu.

Kedua, tidak ada isu pemansuhan atau pemotongan subsidi LPG di bawah kerajaan hari ini kerana subsidi ini akan terus dapat dinikmati golongan sasar, iaitu pengguna kerana inilah subsidi dapur rumah rakyat,

bukan subsidi sektor komersial.

Ketiga, pihak tidak menggunakan silinder LPG melebihi tiga tong 14kg, iaitu melebihi 42kg pada satu-satu masa tidak perlu khuatir kerana mereka tidak tertakluk peraturan memohon permit barang kawalan berjadual.

Sehubungan itu, bersandarkan kepada Peraturan 2021, premis jualan makanan tidak menyimpan atau menggunakan tong LPG bersubsidi tidak melebihi tiga tong pada satu-satu masa, tidak diwajibkan memiliki permit barang kawalan berjadual.

S: Apakah bentuk tindakan diambil kepada restoran tertakluk kepada Peraturan 2021, tetapi tidak memiliki permit barang kawalan berjadual?

J: Fokus utama Ops GASAK adalah mengekang aktiviti *decanting*, penyeludupan dan penggunaan tong LPG bersubsidi oleh sektor industri. Pada masa kini, tindakan kita di peringkat premis jualan makanan lebih kepada aspek advokasi berhubung peruntukan undang-undang di bawah Peraturan 2021. Ada kekeliruan berhubung dokumen diserahkan penguat kuasa kepada premis perniagaan jualan makanan. Ia adalah dokumen Kenyataan Pemeriksaan Premis dan bukan notis kompaun serta tidak ada sebarang sitaan dibuat. Ia adalah dokumen standard diserahkan penguat kuasa ketika membuat pemeriksaan rutin di mana-mana premis.

S: Bagaimana dengan kekhawatiran sesetengah pihak berhubung kenaikan harga makanan sekiranya restoran menggunakan lebih daripada tiga tong LPG tidak boleh menggunakan tong bersubsidi?

J: Kita masih dalam peringkat advokasi. Sekiranya mereka tidak membuat permohonan, bagaimana kita mengetahui berapa keperluan sesebuah restoran pada satu-satu masa. Bagaimana kita ingin bantu perusahaannya mikro, kecil dan sederhana (PMKS) sekiranya kita tidak mengetahui keperluan sebenar me-

“Tidak ada isu pemansuhan atau pemotongan subsidi LPG di bawah kerajaan hari ini kerana subsidi ini akan terus dapat dinikmati golongan sasar, iaitu pengguna kerana inilah subsidi dapur rumah rakyat, bukan subsidi sektor komersial”

reka tanpa sebarang permohonan yang menyatakan keperluan mereka.

Begitu juga, adakah kita ingin biarkan kos LPG bagi semua jenis premis jualan makanan di subsidiikan, tanpa mengira perniagaan berskala kecil, sederhana atau besar. Kita tidak menolak risiko akan ada premis makanan menaikkan harga dengan alasan peningkatan kos operasi perniagaan. Kita prihatin kesannya kepada kos sara hidup rakyat, namun kita juga perlu faham subsidi ini datang daripada duit rakyat, iaitu dana awam termasuk duit pembayar cukai.

Maka, adakah wajar untuk kita memberikan subsidi LPG secara pukal kepada semua jenis premis jualan makan, kecil atau besar dan tanpa sebarang had?

Kita berikan subsidi pukal tanpa had kepada semua dengan bersandarkan alasan kos sara hidup rakyat, sedangkan ada restoran menikmati subsidi ini pada kadar harga di luar kemampuan rakyat. Subsidi diberikan kepada restoran menjual mi goreng pada harga RM20, sedangkan ada restoran menjualnya pada harga RM8. Bidang kuasa pengurusan fiskal di bawah Kementerian lain, namun saya khuatir sama ada ruang fiskal kerajaan berupaya untuk menanggung subsidi LPG ini tanpa sebarang had kerana jumlah premis jualan makanan akan semakin meningkat dan bukannya berkurangan.

S: Berapakah jumlah implikasi kewangan kerajaan untuk subsidi LPG?

J: Terdapat peningkatan substantif bagi menampung kos subsidi

LPG dari tahun ke tahun. Bagi 2024 kerajaan membelanjakan hampir RM3.4 bilion bagi subsidi LPG, meningkat daripada RM3.10 bilion pada 2023. Saya kongsi data beberapa tahun, iaitu RM2.20 bilion pada 2013, RM2.39 bilion (2018), RM2.54 bilion (2021) dan RM4 bilion (2022).

Tanpa sebarang kawalan, jumlah ini akan terus meningkat. Ini kerana bukan sahaja jumlah penggunaan domestik semakin meningkat kerana rakyat semakin ramai, malah jumlah premis perniagaan termasuk restoran, gerai makan dan jumlah penjaja juga turut meningkat. Perlu difahami juga tanggungan subsidi LPG kerajaan ini tidak berbentuk kos tetap kerana LPG adalah bahan api bersandarkan harga pasaran dunia atau Saudi Aramco Contract.

Harga pasaran dunia ini terdedah kepada turun naik berdasarkan penawaran dan permintaan, selain faktor keadaan geopolitik. Pengurusan fiskal negara bukan teras kefungsian KPDN. Namun, sebagai menteri bertanggungjawab terhadap kos sara hidup, subsidi kepenggunaan perlu dikekalkan dan reformasi subsidi ini perlu dilaksanakan. Selain penguatkuasaan, strategi subsidi perlu dilaksanakan secara bersasar dan bukan secara pukal serta tanpa had.

Saya lebih cenderung strategi menangani isu kos sara hidup dilaksanakan melalui strategi meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat, termasuk bantuan tunai dan bantuan langsung pembelian barang. Saya bersyukur kerana inilah antara strategi dan pendekatan dilaksanakan Kerajaan MADANI.



PENGUAT KUASA KPDN menahan lima pemandu lori dengan treler yang digunakan untuk selewang diesel sekitar Shah Alam dalam satu operasi kelmarin.

Upah pindah diesel RM4,000 sebulan

- **Pemandu lori ambil upah pindah diesel ke stor haram**
- **Lima suspek ditahan dalam serbuan di Taman Sri Muda**

Oleh **MOHD. YUNUS YAKKUB**

SHAH ALAM – Seorang lelaki dipercayai ketua pemandu lori sindiket penyelewengan diesel subsidi dikatakan mempelajari taktik berkenaan daripada bapanya.

Suspek berusia 30an itu telah terlibat dalam aktiviti penyelewengan berkenaan sejak enam bulan lalu.

Bapanya pula dikatakan pernah dikenakan hukuman mahkamah sebanyak dua kali sebelum ini.

Jelas lelaki dikenali Rav, dia

mendapat upah lebih daripada RM200 bagi satu-satu pemindahan dengan membawa sehingga dua lori termasuk lori tangki.

Selain itu, dia juga berperanan dalam menjaga stor haram yang menjadi markas pemindahan diesel subsidi.

"Ini kerja *part-time* sahaja dengan saya turut bekerja sebagai pemandu treler. Biasanya dengan kerja ini saya mampu dapat RM3,000 hingga RM4,000 sebulan sebagai pendapatan sampingan.

"Mereka ini (empat suspek lain) rakan dan saya adalah ketuanya," katanya di sini.

Terdahulu, lelaki tersebut bersama empat suspek lain berusia 30 hingga 45 tahun diberkas dalam operasi bermula pukul 7 malam di sebuah premis tidak bernombor di Taman Sri Muda.

Serbuan dilakukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor bersama Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor dengan melibatkan 25 anggota dan pegawai.

Jelas Rav, dia melakukan pemindahan haram diesel subsidi hampir setiap hari dengan lori tangki yang penuh akan dihantar ke sebuah lokasi berhampiran sekitar Taman Sri Muda.

Sebuah lori tangki mampu memuatkan diesel lebih 19,000 liter.

"Biasanya dalam tempoh lebih sejam selesai pindah diesel. Saya hantar dan parkir lori tangki itu di satu lokasi. Ada orang lain yang uruskan selebihnya," ujarinya.

Dalam pada itu, seorang lagi suspek memaklumkan dia juga baharu enam bulan sertai sindiket dengan mengambil diesel subsidi sekitar Shah Alam.

"Sekali trip dapat RM120 dapatlah untung sampai RM3,000 sebulan. Lagi pun rakan yang tawar kerja ini," jelasnya.

Guna *fleet card* seleweng 7,000 liter

SHAH ALAM – Seorang pemandu lori yang memiliki *fleet card* telah menyalahgunakan kemudahan yang diberikan kerajaan apabila menggunakan kad itu untuk bersekongkol untuk menyeleweng 7,000 liter petrol.

"Hasil daripada pembelian minyak diesel menggunakan *fleet card* kemudiannya dibawa ke premis untuk transit di premis itu.

Perkara tersebut terbongkar menerusi serbuan dilakukan di sebuah premis tidak bernombor di Taman Sri Muda di sini kelmarin.

Ketika serbuan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor bersama Ibu Pejabat Kontinjen Polis Selangor merampas 11 *fleet card* pelbagai syarikat pengeluar minyak selain menahan lima suspek lelaki berusia 30 hingga 45 tahun.

Pengarah KPDN Selangor, Mohd. Zuhairi Mat Radey berkata, risikan dilakukan se-

lama sebulan dengan semasa serbuan terdapat sebuah lori tangki dengan kapasiti muatan berat 30 tan di premis haram itu.

"Secara keseluruhan terdapat sembilan kenderaan termasuk van dan kepala lori (prime mover) yang telah diubah suai tangkinya.

"Daripada jumlah itu, enam buah lori dengan mempunyai keseluruhan 14 tangki IBC," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, turut disita adalah diesel dengan anggaran kira-kira 7,000 liter ditemui di dalam tangki IBC tersebut selain peralatan pemindahan diesel subsidi secara haram tersebut.

Jelas Mohd. Zuhairi, diesel subsidi yang telah dipindahkan akan dijual di pasaran gelap.

Untung bagi seliter diesel subsidi difahamkan lebih 70 sen dengan dijual hingga RM3 siliter berbanding harga subsidi RM2.15 seliter sahaja.



SEBAHAGIAN *fleet card* yang digunakan untuk mengisi diesel untuk pasaran gelap dalam serbuan di Shah Alam kelmarin.

Oleh Raja Noraina
 Raja Rahim
 rnoraina@hmetro.com.my

Shah Alam

Kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi yang menyalahgunakan *fleet card* dibongkar pihak berkuasa dalam serbuan di sebuah stor haram di Taman Sri Muda di sini, malam kelmarin.

Serbuan menerusi operasi khas bermula kira-kira jam 7 malam itu dijalankan pasukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor.

Ketika serbuan, lima individu sedang leka memin-dahkan minyak diesel bersubsidi daripada lori *bonded* ke lori tangki tidak menyedari kehadiran pasukan menyebabkan mereka tidak sempat meloloskan diri.

Seorang lelaki dikenali sebagai Rav yang ditangkap mengaku sebagai 'ketua' kepada empat lagi pemandu lain ditangkap.

"Saya uruskan lori tangki dengan membawanya dari stor ke lokasi lain di Shah Alam. Saya akan tinggalkan lori di situ sebelum ada orang lain datang ambil.



MOHD Zuhairi (kanan) melawat lokasi penyelewengan diesel bersubsidi yang menyalahgunakan *fleet card* ketika serbuan di sebuah stor haram di Taman Sri Muda, malam kelmarin.

Rav mengaku dia 'ketua' geng

KPDN Selangor, IPK Selangor serbu stor haram alih minyak daripada lori 'bonded' ke lori tangki



Hasil pemeriksaan mendapati lori tangki terbabit mempunyai hos sambungan dengan lori *bonded* yang diubah suai dengan dipasang tangki IBC"

Mohd Zuhairi

"Saya menerima upah kira-kira RM200 setiap hari dan baru enam bulan bekerja di sini. Stor ini disewa oleh ketua saya bernama 'Ong' dengan bayaran RM2,000 sebulan," katanya ketika ditemui di lokasi.

Sementara itu, Pengarah KPDN Selangor Mohd Zuhairi Mat Radey dalam sidang media di lokasi serbuan berkata, serbuan dijalankan hasil risikan sejak sebulan lalu yang mengesan aktiviti pemindahan diesel disyaki diseleweng melalui kemudahan *fleet card*.

"Dalam serbuan itu, kita menahan lima lelaki tempatan yang berperanan sebagai pemandu lori berusia lingkungan 30 hingga 45 tahun.

"Hasil pemeriksaan mendapati lori tangki ter-

babit mempunyai hos sambungan dengan lori *bonded* yang diubah suai dengan dipasang tangki IBC," katanya.

Beliau berkata, sebanyak sembilan kenderaan disita membabitkan sebuah lori tangki berkapasiti 30 tan, empat lori kanvas, dua lori *bonded* dan masing-masing sebuah van serta lori *prime mover*.

Selain itu, katanya, KPDN turut menyita 7,000 liter diesel dianggarkan bernilai RM19,390, tangki IBC (14 unit), pam dan hos penyambung.

Mohd Zuhairi berkata, semakan mendapati premis berkenaan tidak mempunyai lesen sah menyimpan barang kawalan diesel selain pemandu juga tidak memiliki dokumen sah pemilikan bahan api itu.

"Kita kesan pemandu mempunyai *fleet card* dan disyaki bergerak membeli bahan api itu di stesen minyak sekitar Shah Alam pada harga subsidi.

"Minyak diesel yang diperolehi itu akan dipindahkan ke dalam lori tangki di stor ini sebelum dibawa bagi urus niaga pasaran gelap," katanya.

Katanya, pihaknya akan mengesan dalang sindiket itu dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

PENIAGA GUNA TIGA TONG GAS PADA SATU-SATU MASA SELAMAT!

PENIAGA kecil yang menggunakan gas memasak bersubsidi 14 kilogram tidak melebihi tiga tong pada satu-satu masa tidak perlu khuatir dengan Operasi Gas Memasak (Op Gasak) yang dilakukan bermula 1 Mei lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali menegaskan, golongan yang terkesan ialah restoran berskala besar, hotel dan dapur industri yang menggunakan lebih 42kg.

Katanya, Op Gasak bertujuan membanteras ketirisan subsidi dengan dua fokus utama iaitu mengekang penggunaan tong bersubsidi oleh sektor industri dan komersial serta membanteras penyelewengan melalui aktiviti haram.

8



SINAR HARIAN • JUMAAT 30 MEI 2025

Harian


'Peniaga guna tiga tong gas tak terlibat'

Pelaksanaan Operasi Gas Memasak (Op Gasak) oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menimbulkan kekeliruan dalam kalangan rakyat berkaitan status subsidi Gas Petroleum Cecair (LPG) yang digunakan di rumah, penjaja dan restoran.

Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali menegaskan kerajaan tidak memansuhkan subsidi LPG sebagaimana didakwa oleh pihak tertentu, malah menyifatkan dakwaan tersebut sebagai tidak bertanggungjawab dan mengelirukan rakyat terhadap dasar sebenar kerajaan.

Beliau juga menekankan bahawa Op Gasak bukan dasar baharu sebaliknya satu tindakan penguatkuasaan berasaskan Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 yang telah dilaksanakan sejak pentadbiran terdahulu.

Ikuti temubual bersama Armizan mengulas isu ketirisan subsidi, penggunaan LPG oleh sektor komersial, risiko penyeludupan serta strategi masa depan dalam reformasi subsidi bersasar.



SINAR HARIAN: Wujud kekeliruan dalam kalangan rakyat tentang status subsidi LPG. Adakah benar kerajaan kini sedang memansuhkan subsidi tersebut?

ARMIZAN: Tidak benar. Saya ingin tegaskan bahawa kerajaan tidak pernah membuat keputusan baharu untuk memansuhkan subsidi LPG. Subsidi ini masih kekal dan diberikan untuk keperluan domestik rakyat.

Isu ini timbul kerana sesetengah pihak gagal memahami dasar yang telah lama berkuat kuasa dan malangnya ada juga sengaja mengelirukan rakyat dengan menimbulkan naratif bahawa kerajaan sedang menarik subsidi.

Apa yang sedang berlaku ialah pelaksanaan Op Gasak yang bermula 1 Mei hingga 31 Oktober 2025. Ini merupakan operasi penguatkuasaan di bawah inisiatif 'Kita Gempur' iaitu satu gerakan membanteras penyelewengan barang kawalan dan ketirisan subsidi.

Bagaimana operasi ini boleh menimbulkan salah faham tentang pemotongan subsidi?

Op Gasak memfokuskan dua perkara utama. Pertama, mengesek penggunaan tong LPG bersubsidi oleh sektor indu-

stri dan komersial, khususnya restoran dan premis perniagaan berskala besar. Kedua, membanteras aktiviti *decanting* iaitu pemindahan haram gas dari tong subsidi ke tong tidak bersubsidi.

Aktiviti ini memberi pulangan keuntungan yang sangat besar kepada pihak tidak bertanggungjawab. Mereka jual pada harga pertengahan iaitu antara harga subsidi dan harga pasaran lalu membuat keuntungan atas angin. Malah ada yang menyeludup keluar negara, terutama ke sempadan seperti Thailand dan Indonesia.

Penguatkuasaan ini penting kerana subsidi sepatutnya untuk rakyat, bukan disalah guna oleh golongan peniaga untuk kepentingan perniagaan.

Apa asas undang-undang yang digunakan dalam Op Gasak?

Op Gasak dijalankan berdasarkan dua undang-undang utama iaitu Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Sementara itu, Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 juga menjadi rujukan khusus dalam isu LPG.

Peraturan 2021 menetapkan bahawa



mana-mana premis yang menyimpan atau menggunakan melebihi 42 kilogram (kg) LPG iaitu bersamaan lebih tiga tong 14kg perlu mendapatkan permit barang kawalan berjadual daripada KPDN.

Jadi adakah semua restoran yang menggunakan LPG tertakluk kepada keperluan permit?

Tidak. Ini yang perlu difahami betul-betul. Premis makanan kecil atau rumah makan yang menggunakan kurang daripada tiga tong 14kg pada satu-satu masa tidak tertakluk kepada syarat permit.

Yang terkesan ialah restoran berskala besar, hotel dan dapur industri yang menggunakan lebih 42kg. Tujuan kita bukan untuk menghukum tapi untuk mengawal penyalahgunaan subsidi agar dana awam digunakan secara adil dan saksama.

Ada aduan restoran dikenakan tindakan walaupun masih menggunakan tong subsidi. Apa komen Datuk?

Kita perlu bezakan antara dokumen pemeriksaan rutin dan tindakan penguatkuasaan. Ada sesetengah pihak keliru apabila menerima Kenyataan Pemeriksaan Premis yang sebenarnya adalah satu borang standard pengesanan, bukan notis kompaun atau sitaan.

Kami masih dalam fasa advokasi. Pegawai KPDN memberi penerangan dan maklumat kepada peniaga agar mereka memahami peraturan yang telah lama berkuat kuasa. Kita beri masa untuk pematuhan, bukan terus ambil tindakan keras.

Bagaimana pula dengan kebimbangan bahawa langkah ini akan menyebabkan harga makanan naik?

Kita akui itu antara risiko yang mungkin berlaku. Tapi kita juga perlu tanya, adakah wajar subsidi diberikan secara pukal dan tanpa had kepada semua premis makanan termasuk yang jual makanan mahal?

Contohnya, restoran yang jual nasi ayam RM25 sepinggan tetap dapat subsidi sama macam restoran yang jual

RM8? Itu tak adil. Kita perlu tengok keperluan sebenar mereka melalui sistem permit dan pemantauan.

Berapa kos yang ditanggung kerajaan untuk subsidi LPG ketika ini?

Terdapat peningkatan substantif bagi menampung kos subsidi LPG dari tahun ke tahun. Bagi tahun 2024, kerajaan membelanjakan hampir RM3.4 bilion bagi subsidi LPG, meningkat daripada RM3.10 bilion dari tahun sebelumnya iaitu 2023. Saya kongsikan data beberapa tahun iaitu RM2.20 bilion pada tahun 2013, RM2.39 bilion (2018), RM2.54 bilion (2021) dan RM4 bilion (2022).

Subsidi ini tidak tetap kerana LPG tertakluk kepada harga pasaran global yang dipengaruhi oleh faktor geopolitik dan permintaan antarabangsa.

Adakah KPDN mencadangkan reformasi sistem subsidi pada masa hadapan?

Ya. Kita perlu bergerak kepada subsidi di bersasar, bukan bersifat pukal. Saya lebih menyokong pendekatan subsidi melalui bantuan tunai langsung seperti Sumbangan Tunai Rakyat (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

Kerajaan telah menambah peruntukan kepada RM13 bilion bagi 2025 berbanding RM10 bilion pada 2020. Kita juga laksanakan pelarasan gaji penjawat awam dengan peruntukan tambahan RM10 bilion tahun ini, dijangka meningkat ke RM18 bilion pada 2026.

Semua ini menunjukkan kerajaan serius dalam membantu rakyat menangani kos sara hidup secara mampan, sambil mengukuhkan ruang fiskal negara.

Apa harapan Datuk kepada rakyat dan peniaga?

Saya harap rakyat jangan mudah terpengaruh dengan maklumat mengelirukan. Kita tidak tarik subsidi rakyat. Kita cuma mahu pastikan subsidi sampai kepada yang benar-benar layak.

Bagi peniaga pula, saya seru agar patuh kepada peraturan dan jika ada kekeliruan, sila berhubung dengan pejabat KPDN. Kita sentiasa terbuka untuk mendengar, memberi penerangan dan membimbing ke arah pematuh.



Tong LPG komersial perlu digunakan oleh premis besar, hotel dan dapur industri yang menggunakan lebih 42kg.

Peniaga kecil masih keliru penggunaan LPG komersial



Muhammad Zulhamzi menyediakan ayam gunting di geraiinya yang beroperasi di Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu.

Dakwa boleh beri kesan besar kepada pendapatan

KUALA TERENGGANU

Peniaga kecil melahirkan kebimbangan terhadap langkah mewajibkan penggunaan gas petroleum cecair (LPG) komersial.

Menurut Muhammad Zulhamzi Zulkifli, 29, penggunaan gas komersial boleh menyebabkan kenaikan kos dan memberi tekanan besar kepada mereka yang bergantung kepada harga silinder subsidi itu sebelum ini. "Sebelum ini satu tong LPG subsidi sekitar RM27 hingga RM30, tapi LPG komersial dijangka harga diantara RM65 hingga RM70.

"Macam saya guna satu tong gas setiap minggu dengan anggaran RM120 sebelum, lepas ni kos gas memasak saya juga boleh jadi naik lebih tiga kali ganda nanti," katanya kepada *Sinar Harian*.

Dia yang sudah empat tahun berniaga ayam gunting di Pantai Batu Buruk di mungkin terpaksa menaikkan harga barangan jualan.

"Kami risau pelanggan lari kalau naikan harga. Sekarang jual RM4 hingga RM10 satu bekas ayam gunting, kalau naik harga nanti orang mungkin tak beli.

"Kami harap kerajaan kaji semula keputusan ini. Ramai peniaga kecil macam saya bergantung kepada jualan harian. Sekarang pun hanya yang ada modal dan pelanggan tetap saja mampu teruskan," ujarnya.

Bagaimanapun, *Sinar Harian* difahamkan pelaksanaan gas komersial tidak melibatkan perniagaan kecil dan masih boleh menggunakan gas subsidi.



Tinjauan *Sinar Harian* di KOTA BHARU pula mendapati golongan peniaga kecil makanan masih belum bersedia melaksanakan peralihan kepada penggunaan LPG komersial 14 kilogram yang diwajibkan sejak 1 Mei lalu.

Kebanyakan peniaga kecil masih menggunakan gas subsidi domestik kerana tidak mampu menampung kenaikan kos mendadak yang bakal ditanggung sekiranya peralihan itu dikuat kuasa secara menyeluruh selain berdepan risiko gulung tikar.

Peniaga keropok lekor, Mohd Fazli Mat Rani, 36, berkata, walaupun sudah mendengar cadangan itu sejak lama, ramai peniaga masih berharap gas subsidi do-

mestik dibenarkan untuk penggunaan kecil-kecilan.

"Biasanya saya tak pernah guna lebih tiga tong sebulan, jadi masih dalam kategori layak guna gas subsidi.

"Tapi kalau dikuatkuasakan kepada semua peniaga kecil, kos bahan mentah memang akan melonjak ketara," katanya.

Menurut Mohd Fazli, sejak larangan penggunaan minyak masak paket untuk perniagaan dikuat kuasa, dia sudah terkejut dengan peningkatan kos.

"Sekarang jual RM6 sebekas iaitu 10 batang keropok, tapi gas sebulan pun dah cecah RM500 hingga RM600.

"Kalau harga gas komersial RM70 setong, naik dua hingga tiga kali ganda daripada biasa, memang tak masuk akal.

"Takkan nak jual keropok RM2 sebatang? Minyak masak pun dah mahal, gaji pekerja minimum, bekas plastik pun RM4.30 sepeket. Takkan nak goreng pakai dapur arang semula," katanya.

Di SEREMBAN pula, peniaga makanan menyuarakan rasa tidak puas hati ter-

hadap pelaksanaan penguatkuasaan LPG komersial itu.

Peniaga nasi bajet, Nor Haliza Mohd Nordin, 48, menyifatkan keadaan semasa itu sebagai situasi parah selepas tekanan bahan mentah dan kini dibebani pula dengan pelaksanaan LPG komersial.

Menurutnya, perbezaan ketara antara LPG subsidi dengan LPG komersial itu memungkinkan dia tidak dapat lagi menjual nasi bajet dengan harga RM5.

"Kalau restoran pun terkesan dengan kos, apatah lagi kami yang meniaga di tepi jalan yang berniaga sekadar cukup makan.

"Kalau naik sikit tak apa, ini naik sekali ganda, mungkin nasi bajet terpaksa dijual kepada RM7, cuma risau pelanggan pula lari sebab kita jual mahal," katanya.

Dia mendakwa pelaksanaan itu dilakukan secara mendadak tanpa peniaga diberikan maklumat jelas mengenainya.

"Saya pun tak tahu beli kat mana. Kedai biasa pun tak nampak jual LPG komersial. Informasi mengenai perkara ini pun saya tahu melalui media sosial," katanya.

REAKSI



"Memang amat membebankan buat peniaga orang kurang upaya (OKU) macam saya. Langkah itu akan menjejaskan peniaga kecil yang sebelum ini sudah berdepan sebagai kenaikan kos bahan mentah. Bila dapat tahu kena tukar tong gas ungu memang pening kepala memikirkan sebab macam mana nak serap lagi dan dilema untuk naikan harga jualan. Kerajaan harus mempertimbangkan dan menilai semula langkah tersebut yang akan menjejaskan peniaga kecil dan pengguna sendiri."

- Peniaga, Saliza Yaacob, 49

Gudang haram simpan LPG diserbu

KLUANG – Kegiatan penyelewengan tong gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi di sebuah premis dipercayai gudang haram terbongkar dalam serbuan di sebuah ladang kelapa sawit di Kampung Parit Haji Hashim Simpang Renggam, pada petang Rabu.

Premis yang terletak di kawasan terpencil itu dipercayai digunakan untuk menyimpan dan memindahkan LPG daripada tong bersubsidi 14 kilogram ke tong industri bersaiz 50 kilogram untuk dijual di pasaran gelap.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor, Lilis Saslinda Pornomo

berkata, serbuan itu dijalankan kira-kira jam 6 petang.

Jelas beliau, aktiviti haram itu berjaya dikesan hasil risikan sejak dua minggu lalu.

"Hasil pemeriksaan menemukan 247 tong gas pelbagai saiz termasuk yang berisi dan kosong, dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan mencecah RM61,000," katanya ketika sidang akhbar pada Khamis.

Beliau berkata, tiada individu ditahan semasa serbuan dan siasatan lanjut sedang dijalankan termasuk mengenal pasti pemilik tanah serta mereka yang terlibat.

Lilis Saslinda berkata, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.



Lilis Saslinda (kiri) menunjukkan tong LPG bersubsidi yang dirampas menerusi serbuan di Simpang Renggam pada Rabu.

OP GASAK

'USERS CAN STORE 42KG OF GAS'

Minister says LPG subsidy revamp targets leakages and manipulation in business activities

AMALIA AZMI
KUALA LUMPUR
amalia.azmi@nst.com.my

